

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH BERSEDIA URUS HAJI NORMA BAHARU

KUALA LUMPUR, 26 MAC 2021 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah dan sedang giat membuat persediaan bagi memastikan kelancaran operasi haji musim 1442H/2021M meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran ekoran pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia ketika ini.

Dalam sidang media yang diadakan di Menara **TH**, Pengarah Eksekutif Haji **TH**, Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata persiapan awal yang dibuat adalah dengan mengambil kira amalan norma baharu dalam urusan pengendalian operasi di tanah air termasuk persediaan di stesen-stesen berlepas seluruh negara. **TH** turut membuat persiapan dari segi penginapan, pengangkutan, penerangan, sajian makan, hukum hakam ibadah dan sebagainya di Tanah Suci Makkah dan Madinah.

“Walaupun sehingga kini masih tiada kepastian tentang pelaksanaan haji tahun ini, **TH** perlu mengambil langkah untuk bersedia. Kerajaan Malaysia dan **TH** masih lagi menunggu pengumuman rasmi Kerajaan Arab Saudi berkaitan urusan haji dan jumlah jemaah haji negara yang dibenarkan untuk melaksanakan rukun Islam yang ke lima pada tahun ini,” jelas beliau.

TH menjangkakan prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan musim haji yang ketat akan dikeluarkan oleh Kerajaan Arab Saudi meliputi penjarakan fizikal di bangunan penginapan, pengangkutan, pelaksanaan ibadat dan lain-lain bagi memastikan keselamatan para jemaah haji dari seluruh dunia.

TH turut menasihati para bakal haji Malaysia agar bersedia menerima sebarang perubahan terkini dan kemungkinan adanya peraturan-peraturan baharu yang diperkenalkan oleh **TH** dan pihak berkuasa Arab Saudi kesan daripada pandemik Covid-19.

Semua bakal haji juga disaran untuk membuat persiapan sewajarnya dari segi ilmu, kesihatan, rohani dan jasmani serta kewangan.

"**TH** komited menganjurkan kursus-kursus haji dalam talian bermula sejak awal tahun ini sebagai persediaan melengkapkan para bakal haji dengan ilmu pengetahuan berkaitan ibadat haji serta mendapat gambaran suasana terkini," tambah Dato' Sri Syed Saleh.

Seperti yang dilaporkan dalam media, Menteri Kesihatan Arab Saudi telah menyatakan pengambilan vaksin Covid-19 merupakan salah satu syarat wajib untuk semua bakal haji yang ingin menunaikan fardu haji pada musim ini.

Justeru, **TH** turut menasihati bakal haji yang telah menerima surat tawaran menunaikan haji pada musim haji 1441H/2020M yang lalu untuk segera mendaftar sebagai penerima vaksin menerusi aplikasi MySejahtera dan laman sesawang www.vaksincovid.gov.my atau talian 1800-888-828 seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Para anggota **TH** di pejabat cawangan seluruh negara bersedia membantu urusan pendaftaran bakal haji khususnya yang berusia dan tidak mempunyai akses internet secara langsung.

Bakal haji juga diminta bersedia untuk mengambil suntikan wajib *meningococcal* apabila dipanggil oleh KKM kelak, supaya proses pengambilan vaksin Covid-19 seterusnya berjalan lancar dan memenuhi sela masa yang ditetapkan. **TH** akan bekerjasama dengan KKM untuk menguruskan persediaan kesihatan bakal haji.

"Bakal haji harus memahami bahawa hukum kefarduan haji adalah bergantung kepada kemampuan (Istito'ah). Kemampuan termasuklah dari segi kesihatan, kewangan, perjalanan yang selamat, serta terpilih dalam giliran kuota haji," tambah beliau lagi.

-TAMAT-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami	Mohamad Naser Jaffar
<p>Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my</p>	<p>Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my</p>